

09 JAN 1999

Abdullah-Pulang

ABDULLAH HADIRI ATURCARA KERJA YANG SIBUK DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini mempunyai aturcara kerja yang sibuk di Pulau Pinang pada hari pertama selepas dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Kebanyakan aturcara itu memang telah disusun semasa beliau masih menjadi Menteri Luar dan beliau dijadualkan berada di negeri ini selama dua hari.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga melantik Abdullah sebagai Menteri Dalam Negeri.

Abdullah, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dari Kuala Lumpur pada pukul 8.30 pagi ini untuk mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang pada pukul 10 pagi.

Ketibaannya di lapangan terbang disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar, anggota-anggota exco negeri, pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional Negeri.

Beliau disambut dengan tepukan gemuruh 200 orang termasuk anggota Umno, yang turut membawa beberapa kain rentang menyatakan ucapan tahniah kerana pelantikannya.

Petang ini, beliau dijadual menghadiri majlis penyampaian bantuan Hari Raya di Dewan Orang Ramai Pinang Tunggul pada 3 petang dan di Dewan Kemas, Paya Keladi, Kepala Batas selepas itu.

Pada malamnya, beliau akan berbuka puasa bersama pemimpin tempatan di Penang Golf Club, Bertam manakala esok, beliau mempunyai jadual penyampaian bantuan Hari Raya yang padat kepada penduduk di beberapa kawasan seperti di Kampung Bakar Kapur, Kampung Bakau Tua, Pangkalan Bogor dan Sekolah Rendah Agama Daeratul Maarafil Wataniah, Kepala Batas antara pukul 10 pagi dan 4 petang. Beliau adalah Anggota Parlimen Kepala Batas.

Pada malamnya, beliau akan berbuka puasa bersama penduduk di Masjid Jamek Al Badawi.

--BERNAMA

ZU TM MAI